



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : MPU2313
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 6 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)
2. *Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini*
3. *Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan*
4. *Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan)*
5. *Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:*
 - i. *Nama Penuh Pelajar*
 - ii. *No. Kad Pengenalan*
 - iii. *Seksyen Kelas*
 - iv. *Kod Kursus*
 - v. *Nama Kursus*
 - vi. *Nama Pensyarah*
6. *Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.*
7. *Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.*

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA(25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan.

1. Menjadikan Islam sebagai *al-Deen* bererti menjadikan Islam sebagai
 - A undang-undang jenayah.
 - B agama rasmi sesebuah negara.
 - C cara hidup dalam semua aspek.
 - D cara hidup dalam ibadat khusus.

2. Manakah pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa agama Islam bersifat *syumul?*
 - i Ajarannya meliputi urusan dunia dan akhirat.
 - ii Mempunyai undang-undang dan peraturan yang berubah-ubah.
 - iii Bersesuaian diamalkan oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia.
 - iv Merangkumi undang-undang kehidupan manusia dari aspek jasmani sahaja.
 - A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii

3. Apakah perkara yang menyebabkan seseorang muslim menjadi murtad?
 - A Mendakwa alam ini makhluk.
 - B Mengingkari Allah SWT sebagai pencipta.
 - C Menyembah dan melakukan ibadah kerana Allah SWT.
 - D Mencintai Allah SWT lebih daripada mencintai makhluk.

4. Akidah, syariah dan akhlak merupakan
 - A asas utama Islam.
 - B dasar utama Islam.
 - C rujukan utama Islam.
 - D matlamat utama Islam.

5. Istilah *qadha* dalam Rukun Iman bermaksud

- A ketetapan Allah SWT sejak azali terhadap makhluk.
- B ketetapan Allah SWT bukan sejak azali terhadap makhluk.
- C pelaksanaan ketetapan Allah SWT sejak azali terhadap makhluk.
- D pelaksanaan ketetapan Allah SWT bukan sejak azali terhadap makhluk.

6. Berikut adalah antara ciri sesuatu amalan diterima oleh Allah SWT.

- A Melakukan sesuatu sehingga mengabaikan solat.
- B Melakukan sesuatu dengan harapan untuk mendapat pujian.
- C Memelihara batas-batas pergaulan ketika melakukan sesuatu amalan.
- D Mengutamakan pencapaian tanpa mementingkan cara pelaksanaannya.

7. Bagaimakah cara Islam membentuk individu menjadi insan yang berakhhlak mulia?

- i Bergaul dengan orang yang soleh.
 - ii Membiasakan diri dengan perbuatan dosa kecil.
 - iii Sentiasa berlapang dada untuk menerima nasihat.
 - iv Kurang penghayatan akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii

8. Samad merupakan seorang kaki pukul ingin mengahwini teman wanitanya dengan niat untuk menyiksa bagi membalas dendam keluarga. Apakah hukum perkahwinan Samad?

- A Sunat .
- B Haram .
- C Harus .
- D Makruh .

9. Apakah tanggungjawab bersama suami dan isteri?

- i Kekalkan kasih sayang.
 - ii Mendidik anak-anak.
 - iii Hormat-menghormati.
 - iv Melayani isteri dengan baik.
- A** i, ii
B i, iii
C ii, iv
D i, ii, iii

10. Proses pembentukan masyarakat Islam di Madinah adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas Islam, kecuali

- A** akidah
B akhlak
C syariah
D budaya

11. Apakah prinsip dalam Sistem Muamalat Islam?

- i Pemilikan harta adalah satu amanah.
 - ii Unsur *gharar* atau penipuan diharamkan.
 - iii Berteraskan keimanan kepada Allah SWT.
 - iv Mengenepikan sifat jujur, amanah dan mementingkan diri.
- A** i, ii
B i, iii
C ii, iv
D i, ii, iii

12. Apakah yang dimaksudkan dengan Takaful?

- A** Bantuan atau derma.
B Jaminan dan ganti rugi.
C Derma atau sumbangan.
D Hadiyah dan bantuan kewangan.

13. Pembentukan peribadi muslim dapat dicapai melalui proses pendidikan Islam kerana

- A** pendidikan Islam bersifat insani.
- B** menyemai peribadi dan akhlak yang mulia.
- C** sistemnya sering berubah mengikut kehendak masyarakat.
- D** matlamat pendidikan Islam hanya untuk membentuk peribadi seseorang.

14. Antara berikut yang manakah memainkan peranan dalam pemerintahan dan pentadbiran Islam?

- i Masjid.
 - ii Hisbah.
 - iii Baitul Mal.
 - iv Majlis Fatwa.
- A** i, ii
 - B** i, iii
 - C** ii, iv
 - D** i, ii, iii

15. Seseorang pemimpin dan pemerintah mesti melaksanakan sesuatu tindakan dan hukuman yang bersesuaian dengan syarak dan penuh hikmah.

- A** Keadilan.
- B** Ketelusan.
- C** Ketertiban.
- D** Kebijaksanaan.

16. Mengapa dadah dianggap sebagai musuh nombor satu negara berbanding jenayah lain?

- A** Dadah menjadi punca kepada masalah gejala sosial dan jenayah.
- B** Penglibatan remaja dan belia di dalam penyalahgunaan dadah meningkat setiap hari.
- C** Penyalahgunaan dadah masih tidak dapat diatasi oleh pihak kerajaan walaupun telah memakan masa yang cukup lama.
- D** Kerajaan telah mengeluarkan kos yang cukup tinggi bagi menangani isu dadah sedangkan ini dianggap sebagai perbelanjaan yang tidak patut.

17. Sikap individualistik dalam masyarakat adalah bermaksud individu yang bersikap

- A suka hidup mencari kehidupan berseronok.
- B mencari harta tanpa mengira halal dan haram.
- C mementingkan kehidupan di dunia semata-mata.
- D mengutamakan kepentingan diri sendiri dari kepentingan masyarakat.

18. Sains dan teknologi tanpa etika Islam dan kawalan agama akan mengundang pelbagai impak kepada masyarakat iaitu :

- i eksplorasi manusia.
 - ii merosakkan akhlak.
 - iii menjatuhkan maruah.
 - iv penurunan kes jenayah.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii

19. Gerakan ajaran sesat masih menular dalam kalangan masyarakat Melayu muslim disebabkan

- A kelemahan menguasai ilmu-ilmu fardhu ain.
- B mendapat penjelasan daripada orang yang jahil.
- C gagal memahami ajaran Islam dari sumber yang sahih.
- D ingin mencari jalan mudah dan singkat dalam mengamalkan ajaran agama.

20. Manakah antara berikut merupakan faktor penyatuan pemikiran dalam kalangan umat Islam?

- A Akidah
- B Budaya
- C Bahasa
- D Adat Resam

21. Berikut merupakan cara mewujudkan perpaduan ummah menurut Islam **kecuali**

- A saling menyayangi.
- B bertoleransi dalam semua perkara.
- C bekerjasama antara satu sama lain.
- D saling menghormati antara satu sama lain.

22. Usaha pihak Barat yang paling mempengaruhi umat Islam sehingga merosakkan pemikiran dan perpaduan ummah ialah

- A dunia tanpa sempadan.
- B hiburan yang melalaikan.
- C penyelewengan ajaran al-Quran.
- D memburuk-burukkan peribadi Nabi Muhammad SAW.

23. Apakah kesan perpaduan ummah yang paling tepat terhadap negara ?

- A Tidak perlu pilihan raya.
- B Negara akan maju dan makmur.
- C Rakyat sentiasa merasa selamat.
- D Menarik ramai pelancong dari luar negara.

24. Perpaduan yang utuh merupakan salah satu ciri penting yang diperlukan untuk melahirkan sebuah tamadun yang unggul. Berikut merupakan ciri-ciri lain yang diperlukan untuk tujuan tersebut, **kecuali**

- A tanggungjawab
- B akhlak mahmudah
- C akidah yang mantap
- D kekayaan yang tidak terbatas

25. Bagaimanakah kelima-lima pancaindera manusia dapat digunakan sebagai medium untuk meningkatkan kualiti kerohanian?

- A Membatasi pancaindera kepada perkara yang baik.
- B Menumpukan perhatian kepada keindahan alam sekitar.
- C Membaca buku-buku untuk memenuhi masa yang terluang.
- D Mendengar dan menikmati keindahan lagu untuk mencapai ketenangan.

[25 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada buku jawapan.

SOALAN 1

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya), dan janganlah kamu menuruti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu”.

(al-Baqarah: 208)

- a. Berikan pengertian Islam.

(3 markah)

- b. Percaya kepada Qadak dan Qadar adalah rukun Iman yang keenam, jelaskan maksud Qadak dan Qadar mengikut kefahaman anda.

(4 markah)

- c. Senaraikan **empat (4)** kesan apabila umat Islam tidak melaksanakan perintah Allah SWT dengan sempurna

(8 markah)

SOALAN 2

Islam menggalakkan umatnya berkahwin terutama di dalam kalangan mereka yang telah mempunyai kemampuan dan keinginan.

- a. Nyatakan **tiga (3)** peranan yang dilaksanakan secara bersama oleh suami isteri.
(3 markah)
- b. Huraikan **dua (2)** hukum perkahwinan yang telah anda pelajari.
(4 markah)
- c. Huraikan **empat (4)** asas pembentukan keluarga Islam
(8 markah)

SOALAN 3

Pendidikan Islam di Malaysia merupakan satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

- a. Sebutkan **tiga (3)** institusi pengajian tinggi yang terkenal pada zaman awal Islam.
(3 markah)
- b. Huraikan **dua (2)** adab dalam pengajaran dan pembelajaran.
(4 markah)
- c. Guru sanggup berkorban masa dan tenaga demi memastikan anak didiknya berjaya dalam kehidupan, sebagai seorang pelajar berikan **empat (4)** cara mengenang jasa guru.
(8 markah)

SOALAN 4

Sistem pemerintahan dan pentadbiran sebagai salah satu dari kewajipan agama dan syariah yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ianya bertujuan melahirkan negara dan ummah yang *mardhatillah* bagi mencapai kebahagian akhirat.

- a. Anda telah dilantik sebagai pemimpin negara. Senaraikan **empat (4)** langkah pentadbiran dengan mencotohi Rasulullah SAW sebagai contoh tauladan (qudwah hasanah)
(8 markah)
- b. Berikan **tiga (3)** intitusi pemerintahan dan pentadbiran Islam
(3 markah)
- c. Apakah perbezaan antara amalan syura dengan demokrasi?
(4 markah)

SOALAN 5

Moral atau akhlak merupakan suatu ilmu pengalaman yang dihayati dan dipatuhi bukan sahaja sebagai ilmu yang dipelajari.

- a. Nyatakan pengertian moral yang telah anda pelajari.
(3 markah)

- b. Huraikan **dua (2)** tanggungjawab yang seharusnya dilaksanakan oleh ibu bapa bagi mengatasi masalah salah laku di kalangan anak-anak.
(4 markah)

- c. Gejala pembuangan dan pemerdagangan bayi amat berleluasa melanda negara kita pada hari ini khususnya dalam masyarakat Melayu. Kemukakan **empat (4)** cadangan yang berkesan bagi menangani masalah tersebut
(8 markah)

[75 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**